



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI

NAMA: SAYANG ELYIANA AMIERA BINT HELMEY

NO. MATRIK: A20EC0143

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ANA HAZIQAH A RASHID

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/20
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/5
TOTAL	/30

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI

Di dalam penulisan ini, pelajar haruslah mempamerkan keaslian penulisan dengan menghuraikan refleksi mereka hasil daripada pembelajaran bagi subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’.

Pelajar perlu menjelaskan serta membincangkan refleksi mereka daripada aspek berikut:

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)
- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**
- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?
- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**
- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**
- vi. Apakah **perasaan anda** setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (**Sebagai kesimpulan diakhir refleksi**)

REFLEKSI BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

i. Lukiskan peta minda sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari



ii. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Moral dan nilai murni yang saya peroleh daripada bab ini adalah etika menjadi satu panduan hidup yang mana ia mementingkan tingkahlaku dan pemikiran individu dalam setiap perkara yang dilakukan. Sebagai seorang pelajar, nilai etika perlu diaplikasikan sepanjang tempoh pembelajaran seperti adab menuntut ilmu agar ilmu yang diperoleh itu diberkati. Sebagai masyarakat, nilai etika perlu diterapkan

pada usia muda agar dapat menjamin hidup masyarakat yang harmoni dan tidak berpecah belah.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Sebagaimana yang diketahui, setiap agama yang wujud pada hari ini menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Berdasarkan fakta ini, agama dengan sistem nilai dan etika yang mantap akan memastikan sesebuah masyarakat membangun dalam konteks yang berpedoman. Jadi segala keputusan berkenaan dengan undang-undang dan cara hidup masyarakat seharusnya dirujuk melalui perspektif agama itu sendiri.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Saya menyedari bahawa setiap individu memegang tanggungjawab dalam memastikan hidup bermasyarakat aman dan bahagia. Sebagai contoh, mengambil berat tentang masalah jiran tetangga juga merupakan nilai etika dalam hidup bermasyarakat. Sekiranya setiap individu mengamalkan budaya bermasyarakat yang beretika, kesantunan dan tatasusila dalam masyarakat itu sendiri terjaga.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Bab ini banyak mendedahkan saya kepada perkara yang baharu seperti asal usul ilmu etika dan perspektif etika dalam masyarakat. Saya dapat memahami sebanyak sedikit tentang kepentingan ilmu etika yang seharusnya diamalkan dalam kehidupan sehari-hari baik sebagai seorang pelajar mahupun sebagai rakyat Malaysia. Jadi, saya yakin dengan ilmu yang dipelajari ini dapat memupuk nilai etika dalam diri saya agar setiap perkara yang saya lakukan kelak adalah berdasarkan nilai dan prinsip moral yang baik dan boleh dijadikan contoh oleh orang lain.

REFLEKSI BAB 2: TEORI ETIKA

- i. Lukiskan peta minda sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari



- ii. Apakah **moral**, **nilai-nilai murni**, **kualiti** serta **kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Dapatan saya daripada bab ini adalah teori-teori etika ini mengajar saya untuk menjaga dan menolong golongan yang memerlukan selagi masih mampu serta menekan bahawa untuk tidak hanya memikirkan diri sendiri. Selain itu, teori-teori ini juga sesuai untuk semua manusia tidak kira bangsa, agama dan warna kulit. Teori-teori etika ini mengajar semua manusia untuk bersatu padu dan mampu mewujudkan satu jalan penyelesaian jika berlakunya ketidak setujuan.

- iii. Bagaimakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Melalui bab ini, saya dapat mengenalpasti bahawa semua makhluk yang diciptakan oleh Tuhan mempunyai keunikan yang tersendiri dari perspektif budaya dan agama masing-masing. Akal dan naluri yang sempurna yang telah diciptakan digunakan untuk menguruskan kehidupan dan menguasai bidang-bidang ilmu berdasarkan fahaman masing-masing yang berteraskan dengan teori etika yang diasaskan oleh pelopor-pelopor budaya dan agama masing-masing. Naluri manusia dengan perasaan cemas, takut dan ragu-ragu adalah dorongan utama kearah tercetusnya pemikiran beragama yang berpegang pada teori-teori etika yang kukuh.

- iv. Bagaimakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Teori-teori ini juga mengajar saya tentang bagaimana untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang rakyat ataupun sebagai seorang pemimpin. Untuk menjadi dunia ini satu tempat yang lebih baik bukanlah satu perkara yang mudah kerana ini bukan kerja individu. Ini merupakan satu kerja yang memerlukan ramai pihak untuk berturut serta. Dengan adanya, teori-teori etika ini ianya dapat menjadi satu panduan kepada semua jenis lapisan masyarakat untuk meraihkan satu impian yang sama. Teori-teori ini dapat membantu untuk membentuk satu masyarakat yang berkualiti dan mampu untuk menjadi aspek yang penting kepada negara.



- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Bab ini mengajar saya tentang teori-teori awal etika seperti teori etika klasik dan moden berdasarkan dua teori ini, saya dapat mengenalpasti kepentingan etika dari sudut keadilan, hak asasi dan deontology. Saya percaya bahawa teori etika boleh digunakan dalam jabatan kehakiman yang mana proses pengadilan dilakukan atas dasar penilaian perkara baik dan buruk yang membawa kebaikan dan faedah kepada masyarakat. Undang-undang negara juga termaktub berdasarkan kebaikan yang dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat tanpa ada golongan yang terpinggir. Jadi, secara kesimpulannya teori-teori etika perlu dilaksanakan dalam kehidupan manusia sebagai satu panduan.

REFLEKSI BAB 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN

: ISLAM DAN MELAYU

i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Daripada bab ini, saya dapat memahami dan menghalusi nilai-nilai murni yang diajar oleh Islam yang mana seterusnya dipraktikkan dalam kehidupan seharian agar dapat melahirkan warganegara yang berfikiran terbuka, bertoleransi serta beretika dalam hidup bermasyarakat berbilang kaum. Selain itu, saya juga dapat menghayati kepentingan kemjuhan aspek bukan kebendaan yang seharusnya bergerak seiring dengan kemjuhan kebendaan agar dapat dijadikan model untuk diteladani oleh masyarakat kini.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Bab ini mengajar saya tentang betapa hebat Tamadun Islam pada satu masa dahulu yang mampu menakluki dua pertiga dunia yang mana nilai etikanya menjadi satu panduan kepada umat Islam masa kini untuk berusaha memahami apa tugas sebenar yang diberikan kepada kita sebagai Khalifah seterusnya mengamalkan apa yang diajarkan kepada kita oleh Nabi Muhammad bagi membela nasib dan maruah Ummah yang kian hari makin merunsingkan. Selain itu, tajuk ini juga dapat memupuk satu ikatan erat antara masyarakat seperti yang dilakukan pada zaman tamadun Islam.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Bab ini dapat membantu dalam menjadikan saya warganegara yang bertika dengan cara menghormati ajaran dan fahaman agama lain. Sikap perkauman tidak sepatutnya wujud dalam konteks hidup bermasyarakat pelbagai etnik. Setiap warganegara perlu mengawal tindakan masing-masing dengan cara yang beretika dan beradab agar tidak berlakunya perpecahan masyarakat.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Melalui bab ini, saya dapat mempelajari bahawa Islam adalah satu agama yang luas ajarannya meliputi semua bidang. Kita ketahui bahawa ajaran Islam adalah beralandaskan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad, jadi segala ajaran yang dibawa oleh Islam adalah berdasarkan akhlak atau etika yang tinggi yang membawa faedah kepada semua penganutnya. Walaupun tamadun Melayu pada mulanya menerima pengaruh animism serta Hindu-Buddha, namun ternyata prinsip-prinsip Islam lebih ditekankan dalam adat-adat yang menjadi garis panduan etika bagi masyarakatnya.

REFLEKSI BAB 4: PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MELALUI ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari





ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab ini, nilai yang dapat saya pelajari adalah meraikan tetamu seperti yang disebutkan dalam tamadun India. Mereka menganggap tetamu itu sebagai tuhan yang membawa keberkatan kepada tuan rumah. Selain itu, saya juga dapat mempelajari bahawa kita perlu hidup dengan bermaruah dan bersifat malu. Perkara ini dapat saya definisikan sebagai menjaga nama baik diri, keluarga dan agama dalam apa sahaja yang kita lakukan tanpa menconteng arang di muka sesiapa. Nilai yang dapat saya pelajar idaripada tamadun Barat pula adalah nilai keadilan dan kesaksamaan yang mana perkara baik dan buruk perlu diadili dengan betul dalam membuat sesuatu keputusan agar orang dan perkara sekililing kita tidak terjejas dengan tindakan yang kita lakukan.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Melalui bab ini saya dapat mengaitkan isu pandemic Covid-19 yang berlaku di negara kita sekarang. Masyarakat perlu menjalani kehidupan beretika dan berintegriti dalam perniagaan seperti mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Hanya kerana seorang peniaga yang gagal mengamalkan etika perniagaan mengikut norma baharu, ramai masyarakat yang lain terkena tempias jangkitan Covid-19 ini. Daripada kes ini, penting bagi kita sebagai masyarakat memantapkan kesepaduan nasional melalui etika dan peradaban demi menjamin kesejahteraan negara.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Daripada bab ini, saya sedar bahawa setiap kaum dan tamadun mempunyai fahaman, budaya dan agama yang berbeza. Negara kita Malaysia juga terdiri daripada pelbagai jenis kaum yang membawa fahaman dan agama yang berbeza. Sebagai seorang rakyat Malaysia yang mempunyai nilai etika yang tinggi, semua pihak perlu menghormati agama dan budaya kaum masing-masing demi menjaga dan mengekalkan keamanan serta kesejahteraan negara. Saya juga sedar bahawa kita tidak boleh mementing diri sendiri atau bersifat perkauman, malah kita perlu cuba memahami dan menghormati pendapat kaum lain dalam semua perkara di samping saling membantu kepada yang memerlukan.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Bab ini banyak mendedahkan saya kepada perkara yang baharu seperti tamadun Cina dan tamadun India. Saya dapat memahami sebanyak sedikit tentang sejarah bagi kedua-dua masayarakat tersebut. Oleh itu, dengan ilmu yang saya pelajari ini, saya dapat memahami dengan lebih lanjut akan sejarah adat resam bagi rakan-rakan saya yang berbangsa Cina dan India. Jadi, saya yakin dengan ilmu yang dipelajari ini dapat membuang sifat prasangka terhadap mereka dan pada masa yang sama boleh mengurangkan ketegangan kaum yang sedang berlaku di negara kita ini.

REFLEKSI BAB 5: KONSEP PERADABAN DI MALAYSIA

- i. Lukiskan peta minda sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab ini, saya dapat memahami bahawa kepentingan menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat lain kerana ia amat penting dalam memastikan keamanan dan keharmonian masyarakat. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menjalankan tanggungjawab dan tugas sebagai rakyat yang beretika dengan mengamalkan konsep kesepaduan sosial demi mengurangkan konflik antara satu sama lain.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Bab ini membantu saya dalam mengaitkan isu semasa yang berlaku dalam masyarakat kita di Malaysia sekarang iaitu cabaran peradaban Malaysia. Di saat negara sedang dilanda krisis pandemik, politik dan ekonomi, krisis etika juga sedang menghantui negara kita iaitu krisis defisit etika yang sangat teruk di kalangan ahli-ahli politik tanah air. Politik Peradaban yang berteraskan etika yang tinggi dan nilai-nilai yang mulia sewajarnya menjadi norma-norma baharu amalan politik Malaysia demi kebaikan seluruh rakyat Malaysia terutamanya generasi masa hadapan yang bakal memimpin negara kelak.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Daripada bab ini, saya dapat memahami peranan saya sebagai seorang pemudi dan warganegara yang bertanggungjawab dalam mematuhi rukun negara dan perlembagaan negara yang telah ditetapkan oleh kerajaan setelah sekian lama. Sebagai seorang pelajar yang telah mempelajari konsep peradaban di Malaysia, saya bertanggungjawab untuk mengajar nilai etika hidup bermasyarakat berbilang kaum kepada rakan-rakan dan ahli keluarga saya. Hal ini demikian kerana, saya percaya bahawa konsep peradaban yang diamalkan dalam hidup bermasyarakat dapat menyatupadukan semua kelas sosial di Malaysia.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Bab ini mengajar saya bahawa proses asimilasi dan amalgamasi boleh mewujudkan penggabungan antara masyarakat dan kaum untuk menghasilkan satu masyarakat atau budaya yang baharu. Sebagai contoh, berdasarkan pengetahuan saya, Baba Nyonya merupakan satu kebudayaan dan masyarakat yang baharu dihasil daripada proses asimilasi. Mereka mempunyai kedudukan tinggi di kaum Cina dan mendakwa mereka sebagai rakyat British tetapi mempunyai unsur pengaruh kebudayaan Melayu. Meskipun begitu, disebabkan mereka tinggal di Malaysia dan telah menjadi sebahagian daripada masyarakat kita, mereka perlu mematuhi undang-undang dan perlembagaan negara dengan bersatu dengan kaum lain dalam mewujudkan suasana masyarakat yang beretika dan harmoni.

REFLEKSI BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA

i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Nilai dan kualiti yang dapat saya pelajari melalui bab ini adalah saya dapat menghayati sejarah Perlembagaan Persekutuan sebagai perundangan tertinggi negara. Hal ini demikian kerana, menguruskan sebuah negara yang berbilang kaum adalah bukan satu perkara yang mudah. Saya juga dapat memahami sejarah dan keagungan perlembagaan yang mana sikap bertolak ansur dan bekerjasama dalam masyarakat perlu dikekalkan demi menjamin kemajuan dan keharmonian hidup. Saya juga bangga menjadi rakyat Malaysia yang menghayati etos nasional yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan akan terus berusaha untuk mempertahankannya.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Melalui bab ini, saya sedar bahawa negara kita telah melalui banyak proses dan pelbagai cabaran sebelum negara yang berbilang kaum dan bangsa yang harmoni dapat dibentukkan. Dengan memahami dan menghayati sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, sebagai rakyat Malaysia saya dapat memahami betapa pentingnya sifat bertolak ansur antara kaum yang mana mendorong rakyat Malaysia untuk menjadi lebih bertolak ansur dan toleransi dengan kaum yang lain dalam menyelesaikan isu perkauman. Dengan ini, masyarakat yang majmuk boleh diwujudkan dan kestabilan serta keamanan Malaysia boleh dikekalkan.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Melalui bab ini, saya sedar bahawa sebagai seorang warganegara yang bertika kita perlu mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Semua pihak bertanggungjawab dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan negara, oleh itu kesepaduan semua kaum perlu dicapai dan dikekalkan agar kemerdekaan yang kita kecapi selama ini dapat terus kita nikmati tanpa sebarang penjajahan luar.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Berdasarkan bab ini, saya dapat mempelajari bahawa semua warganegara perlu berusaha memajukan negara dalam apa jua bidang yang kita mahir. Semua lapisan masyarakat tidak kira kelas sosial memainkan peranan penting dalam membentuk negara yang maju berunsurkan Persekutuan Perlembagaan. Warganegara yang beretika juga tidak seharusnya berpecah belah menunding jari atas kesalahan orang lain. Kita sepatutnya berusaha memperbaiki kesilapan diri demi kesejahteraan masyarakat lain.

REFLEKSI BAB 7: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN BUDAYA DAN KOMUNIKASI KONTEMPORARI

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Nilai murni yang saya pelajari melalui bab ini adalah menjauhkan diri dari hiburan hedonisme dan saling menghormati tanpa mengira kaum. Secara rumusnya, bab ini menghuraikan tentang kebebasan bersuara dan juga hiburan hedonisme. Pertamanya, kita mempunyai hak untuk menyampaikan fikirannya dalam apa-apa bentuk untuk mencapai kestabilan masyarakat. Walaubagaimanapun, kita perlu

berhati-hati semasa mengeluarkan fikiran sendiri dengan tidak melindungi isu sensitif, kata-kata kesat terhadap individu lain dan perkara yang boleh memecahkan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Umum mengetahui bahawa budaya hedonisme kini tidak asing lagi di telinga masyarakat sekarang. Semua kaum tidak terkecuali terlibat dalam budaya yang satu ini. Pada pengamatan saya, fenomena pengaruh budaya luar di negara ini amat membimbangkan khususnya di kalangan golongan muda sama ada yang berasal daripada agama Islam mahupun agama lain. Ini berikutkan peningkatan kadar jenayah dan maksiat yang dilakukan oleh golongan muda yang kurang etika Ketika berhibur dan menggunakan media massa. Bab ini membuka minda saya untuk mengaitkan peranan etika dan peraadaban budaya dan komunikasi kontemporari dalam ajran agama dalam kalangan semua pihak lebih-lebih lagi golongan muda.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Bab ini telah membawa impak yang besar kepada saya kerana ia mengajar tentang kesan dan faktor hedonisme. Kebanyakan pengguna media sosial tidak menjaga perkataan mereka semasa menggunakan media sosial. Selain itu, bab ini juga menjadikan saya lebih rasional dalam membentuk Internet menjadi sebuah pelantar yang bersuasana harmoni dengan tidak menyentuh isu sensitif yang boleh


memecahkan harmoni masyarakat. Akhirnya, melalui bab ini saya berpendapat bahawa sebagai seorang pelajar, saya perlu bersikap rajin dan menjauhkan diri daripada fikiran yang mementingkan keseronokan.

- v. Bagaimakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Berdasarkan bab ini, saya dapat bahawa kita sebagai rakyat Malaysia dan warga net perlu melengkapkan diri dengan tahap etika yang tinggi semasa menggunakan media komunikasi digital dalam zaman teknologi yang kian berkembang saban hari. Kita perlu mengehadkan kadar penggunaan media hiburan terutamanya media elektronik selain daripada melakukan pekerjaan atau menyiapkan tugas. Kita juga perlu berhati-hati dan menjaga adab dan etika ketika menggunakan media sosial agar pengguna lain tidak terkesan dengan tindakan yang kita lakukan di media sosial. Dalam erti kata lain, kitab oleh berhibur dan menggunakan media sosial untuk berkomunikasi secara kontemporari tetapi dengan menjaga etika, adab dan batasnya.

REFLEKSI BAB 8: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL

i. Lukiskan peta minda sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari



ii. Apakah moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Nilai yang dapat saya pelajari daripada bab ini adalah masyarakat yang harmoni dan sejahtera dapat diwujudkan sekiranya semua pihak bersikap amanah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara yang berguna. Sebagai contoh, para hakim dan peguam berusaha dalam menegakkan keadilan serta hak asasi manusia, para dermawan atau NGO menghulurkan bantuan kepada pihak yang

memerlukan, para guru mendidik anak bangsa agar menjadi warganegara yang berguna dan sebagainya. Setiap tindakan yang berunsurkan etika dan peradaban yang elok mampu melahirkan generasi yang dapat membangunkan negara.

- iii. Bagaimakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?

Bab ini mengingatkan saya tentang sebuah isu etika yang berlaku di Sillicon Valley iaitu isu skandal penipuan Theranos di mana seorang usahawan wanita yang bernama Elizabert Holmes mengusahakan sebuah teknologi yang mengantikan pelbagai ujian pensesanan penyakit dengan menggunakan setitis darah. Teknologi yang dibangunkannya ini mendapat ramai sambutan daripada orang awam. Akan tetapi, teknologi yang dibangunkannya itu ternyata gagal setelah memakan kos berbilion US dollar. Dua orang bekas pekerja Holmes telah mendedahkan kepada orang ramai dan ahli lembaga pengarah bahawa projek Theranos ini adalah satu penipuan. Meskipun begitu, Holmes masih menafikan penipuan di sebalik projek teknologi Theranos tersebut. Tindakan dua orang bekas pekerja itu ternyata menunjukkan yang mereka memiliki tanggungjawab sosial dengan mendedahkan perkara sebenar dan wajar dicontohi untuk kebaikan masyarakat agar tidak terus ditipu dan ditindas.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Setelah mempelajari bab ini, sebagai seorang warganegara yang beretika, saya berpendapat bahawa semua rakyat hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab sosial untuk memberi impak yang positif kepada negara. Sekiranya semua rakyat dapat memenuhi tanggungjawab sosial masing-masing, maka keseimbangan yang menjamin kesejateraan sosial dapat diwujudkan. Keseimbangan ini sudah jelas menyumbang kepada keadilan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi, sekaligus menjadikan negara kita lebih maju.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Menerusi bab ini, saya dapat mengenalpasti bahawa semua pihak berperanan dalam menunaikan tanggungjawab sosial berdasarkan etika dan peradaban dalam menjaga kesejahteraan negara. Setiap masyarakat perlu mempunyai keperibadian dan akhlak yang mulia. Dalam usaha mengekalkan persekitaran yang sihat, masalah sosial yang berunsurkan perkauman dan penindasan kelas sosial tidak sepatutnya berlaku. Semua pihak perlu saling membantu satu sama lain agar hak asasi manusia terjaga dan tiada golongan yang tercicir dalam menerima faedah pembangunan negara.

REFLEKSI BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari

BAB 9 : CABARAN KELESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

Definisi	Cabaran	Strategi dan Langkah Kelestarian
<p>Kelestarian atau kemapanan adalah terjemahan dalam Bahasa Inggeris iaitu 'sustainability'</p> <p>Dalam bahasa latin dikenali 'sustinere' (daripada bawah) dan 'tenere' (tahan).</p> <p>Keterlestarian secara umum bermaksud keupayaan mengekalkan sesuatu; memastikan kewujudan; atau 'memanjangkan'.</p>	<div style="display: inline-block; background-color: orange; color: white; padding: 5px; border-radius: 10px; font-weight: bold;">Cabaran Politik</div> <div style="display: inline-block; background-color: pink; color: white; padding: 5px; border-radius: 10px; font-weight: bold;">Cabaran Ekonomi</div> <div style="display: inline-block; background-color: orange; color: white; padding: 5px; border-radius: 10px; font-weight: bold;">Cabaran Sosial</div> <div style="display: inline-block; background-color: yellow; color: black; padding: 5px; border-radius: 10px; font-weight: bold;">Cabaran Psikologi & Pembinaan Karakter</div> <div style="display: inline-block; background-color: pink; color: white; padding: 5px; border-radius: 10px; font-weight: bold;">Cabaran Globalisasi</div> <div style="display: inline-block; background-color: yellow; color: black; padding: 5px; border-radius: 10px; font-weight: bold;">Cabaran Alam Sekitar</div> <div style="display: inline-block; background-color: orange; color: white; padding: 5px; border-radius: 10px; font-weight: bold;">Cabaran Sains & Teknologi</div>	<p>Pembinaan budaya politik dan demokrasi matang.</p> <p>Kerajaan yang telus dan menjaga kepentingan nasional.</p> <p>Mengurangkan jurang antara kaya dan miskin yang semakin melebar.</p> <p>Pendatang asing dan sektor pekerjaan 3D.</p> <p>Pengukuhkan perpaduan antara etnik dan integrasi nasional.</p> <p>Peranan intelektual sebagai pemangkin pencerdasan rakyat dan ummah.</p> <p>Pembinaan jati diri bangsa Malaysia.</p> <p>Minda kelas pertama lawan minda kelas ketiga.</p> <p>Ketidakadilan perdagangan dan ekonomi global.</p> <p>Krisis ekonomi dan kewangan antarabangsa.</p> <p>Pencemaran laut, udara dan darat.</p> <p>Kepupusan pelbagai sepsis fauna dan flora akibat perubahan iklim.</p> <p>Isu-isu etika dan profesionalisme dalam kalangan saintis dan penyelidik.</p> <p>Penyelidikan dan pembangunan berdasarkan kehendak dan bukan keperluan manusia.</p>

- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran** yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?

Nilai murni yang saya perolehi daripada bab ini adalah memartbat dan menghayati kelima-lima prinsip rukun negara sebagai tulang belakang dapat membina sebuah negara yang beretika dan beradab. Selain itu, konten-konten dalam bab ini dapat membantu saya dalam membina pemikiran dan sikap yang betul terhadap etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat. Saya juga sedar bahawa kita perlu memiliki

mida kelas pertama yang bertikan dan berperadaban sebagai suatu strategi untuk membangun sebuah negara yang progresif dan berkemajuan.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Melalui bab ini, saya dapat mengaitkan usaha kerajaan dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Walaupun banyak inisiatif global dilancarkan, penerapan dan sambutan oleh kebanyakan negara, khususnya pada peringkat negeri dan wilayah masih lagi terbatas. Untuk memastikan kejayaan matlamat ini, gerakan berdasarkan prinsip kesedaran akar umbi atau 'bawah-atas' perlu dilaksanakan. Di pihak negara pula, keberanian politik, pemimpin beriltizam dan keluwesan urus tadbir adalah prasyarat untuk mencapai kejayaan. Di sini jelas menunjukkan bahawa semua pihak dan lapisan masyarakat berperanan penting dalam melestarikan etika dan peradaban dalam konteks pembangunan negara demi mencapai status negara maju.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Bab ini mengajar saya untuk menjunjung tinggi kelestarian etika dan peradaban kerana dengan adanya ilmu pengetahuan, seorang warganegara yang beretika dan burkualiti dapat dilahirkan. Ilmu etika dan perdaban juga boleh membentukkan insan yang beradab kerana ilmulah yang membentuk jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Dengan adanya masyarakat yang beretika, negara yang maju dan

makmur boleh diwujudkan. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing untuk menerapkan nilai etika dan peradaban ini kepada semua rakyat Malaysia.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Melalui bab ini, saya dapat mengetahui cabaran yang dihadapi untuk membangunkan sebuah masyarakat yang beretika dan berperadaban adalah bukan satu perkara yang mudah. Antara cabaran yang dihadapi ialah cabaran politik, ekonomi, sosial, psikologi, pembangunan karakter, globalisasi, alam sekitar dan sains dan teknologi. Dengan mengetahui akan pelbagai cabaran yang dihadapi bagi kelestarian etika dan peradaban, saya dapat membina pemikiran yang lebih maju berdasarkan bab ini serta memiliki minda kelas pertama supaya negara yang progresif dan maju boleh dibentukkan.

REFLEKSI KESELURUHAN: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Apakah perasaan anda setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (Sebagai kesimpulan diakhir refleksi) (*Sekurang-kurangnya 1 perenggan dan tidak melebihi 1 muka surat*)

Pada pendapat saya, kursus ini mempersiapkan diri saya sebagai seorang pelajar untuk menghayati nilai etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia sekaligus memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini yang memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia dapat menjadi kekuatan kepada pembentukan negara berdasarkan isu-isu semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

Etika merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Manusia yang bertika sentiasa dipandang mulia dari kaca mata masyarakat. Menerusi semua bab yang telah saya pelajari dalam kursus ini, saya dapat mengetahui bahawa etika boleh didefinisikan sebagai amalan baik atau prinsip yang perlu diperaktikkan dalam kehidupan seharian. Etika juga mempunyai cabang yang luas pengertiannya merangkumi bidang pedidikan, perniagaan, hubungan kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Oleh kerana itu, penghayatan etika dan peradaban yang menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial perlu diterapkan bukan sahaja di peringkat universiti malah peringkat keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara.